

NOTIS DATA PERIBADI & MAKLUMAT

Dalam mematuhi **Akta Perlindungan Peribadi 2010** dan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang telah dan/atau akan ditetapkan di bawahnya dari masa ke semasa (secara kolektif, dirujuk sebagai “**Akta tersebut**”), kami, Ann Joo Resources Berhad dan/atau syarikat-syarikat yang disenaraikan dalam Lampiran dalam ini (“AJ”) ingin memaklumkan anda bahawa Data Peribadi anda (seperti yang ditafsirkan di bawah) sedang dan/atau akan diproses oleh atau bagi pihak AJ.

Notis Data Peribadi & Maklumat (“**Notis tersebut**”) adalah untuk, antara lain, membantu anda memahami jenis Data Peribadi yang kami kumpulkan, bagaimana dan untuk apa tujuan kami gunakan Data Peribadi anda, dan dengan siapa kami berkongsi Data Peribadi anda.

Persetujuan Anda

Dengan:-

- (i) memasuki atau telah memasuki transaksi-transaksi dengan AJ;
 - (ii) melantik atau telah melantik AJ untuk membekalkan perkhidmatan;
 - (iii) berkomunikasi atau berinteraksi, dan/atau telah berkomunikasi atau berinteraksi dengan kami;
 - (iv) melayari/menggunakan atau telah melayari/menggunakan laman web kami; atau
 - (v) mengunjungi atau telah mengunjungi pejabat-pejabat kami,
- anda bersetuju kepada pemprosesan Data Peribadi anda oleh atau bagi pihak AJ. Perkataan “pemprosesan” mempunyai maksud yang dinyatakan dalam Akta tersebut.

Data Peribadi

Data Peribadi mempunyai maksud yang dinyatakan dalam Akta tersebut dan termasuk maklumat berkenaan anda, misalnya:-

- (i) Nama, No. K/P, No. Paspot, umur & tarikh lahir;
- (ii) Warganegara, bangsa dan jantina;
- (iii) Butir-butir hubungan, termasuk alamat-alamat, nombor telefon/faks/telefon bimbit & alamat-alamat emel;
- (iv) Status perkahwinan, butir-butir suami isteri/ahli keluarga;
- (v) Butir-butir pekerjaan/profesional termasuk nama dan alamat syarikat, jawatan/pangkat dan linkungan pendapatan;
- (vi) Status kewangan dan perundangan (termasuk maklumat akaun bank dan kebankrapan); dan
- (vii) Sebarang maklumat lain yang berkenaan anda, suami/isteri anda, atau ahli-ahli keluarga anda yang telah atau mungkin kemudiannya dikumpul, disimpan, digunakan dan diproses oleh AJ dari masa ke semasa.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Data Peribadi yang anda telah bekalkan atau akan bekalkan kepada kami adalah tepat sepenuhnya, tidak mengelirukan dan kemaskini.

Adalah merupakan kewajipan anda untuk memastikan semua Data Peribadi yang dibekalkan kepada kami dan disimpan oleh kami adalah tepat, tidak mengelirukan,

kemaskini dan sempurna dalam semua aspek. Untuk mengelakkan keraguan, AJ dan/atau Kumpulan tersebut dan/atau pekerja-pekerjanya atau pegawai-pegawaiannya atau agen-agennya yang diberikuasa tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang Data Peribadi yang dibekalkan oleh anda kepada kami yang mana adalah tidak tepat, mengelirukan, tidak sempurna dan tidak kemaskini.

Tujuan-tujuan

Tujuan-tujuan Data Peribadi anda boleh digunakan adalah, tetapi tidak terhad kepada:-

- Untuk penilaian permohonan kredit anda
- Untuk tujuan Pentadbiran
- Untuk melakukan aktiviti-aktiviti kami
- Untuk tujuan keselamatan dan pencegahan penipuan
- Untuk tujuan komunikasi dan hal-ehwal korporat kami yang mungkin termasuk penerbitan dalam bahan cetakan, laman web dan/atau media elektronik kami dan bahan cetakan dan/atau media elektronik pihak-pihak luar
- Untuk tujuan mematuhi Akta Syarikat 1965
- Untuk tujuan pentadbiran korporat (secara kolektif, "Tujuan-tujuan tersebut")

anda bersetuju supaya AJ dibenarkan untuk menggunakan dan memproseskan Data Peribadi anda sebagaimana yang dinyatakan dalam Notis ini.

Sumber

Kami boleh mendapatkan Data Peribadi anda daripada sumber-sumber berikut:-

- (i) Secara langsung daripada anda, majikan anda dan/atau wakil yang diberikuasa oleh anda;
- (ii) Perjanjian-perjanjian, kontrak-kontrak, borang-borang dan dokumen-dokumen lain yang anda telah tandatangani dan/atau bekalkan kepada kami dan/atau yang mana kami mempunyai akses;
- (iii) Rakan-rakan perniagaan atau ahli-ahli gabungan kami dan/atau pihak-pihak lain yang mana kami mempunyai urusan, mempunyai rekod-rekod Data Peribadi anda;
- (iv) Segala usaha yang sah di sisi undang-undang dan/atau carian daripada pihak berkuasa/perbadanan/agensi kerajaan yang relevan dan/atau agensi pelaporan kredit dan/atau apa-apa perbadanan/agensi yang mempunyai kuasa dari segi undang-undang untuk mengumpul, menggunakan dan/atau memproses Data Peribadi anda; dan/atau
- (v) Dari "cookies" yang digunakan di laman web kami.

Hak Akses

Tertakluk kepada apa-apa pengecualian di bawah undang-undang yang terpakai, anda boleh pada bila-bila masa mengemukakan permintaan untuk mengakses dan membetulkan Data Peribadi anda yang disimpan oleh kami dan menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan Data Peribadi anda seperti berikut:-

Ann Joo Resources Berhad		
Alamat	:	
Tel	:	
Faks	:	

Laman Web	:	
Untuk Perhatian	:	

Menurut Akta tersebut:

- (i) kami boleh mengenakan fee yang ditetapkan untuk memproses permintaan anda untuk akses atau pembetulan; dan
- (ii) kami boleh enggan mematuhi permintaan anda untuk akses atau pembetulan Data Peribadi anda dan sekiranya kami menolak permintaan sedemikian, kami akan memaklumkan anda penolakan kami dan alasan penolakan.

Penzahiran kepada Pihak Ketiga

Walaupun kami mengamalkan polisi kerahsiaan ketat ke atas Data Peribadi anda, kami adalah dibenarkan untuk menzahirkan, menyebarkan dan/atau memindahkan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan AnnJoo (termasuk syarikat induk, subsidiari, syarikat bersekutu, syarikat berkaitan dan syarikat bergabung serta subsidiari, syarikat bersekutu dan syarikat bergabung mereka, kedua-dua tempatan dan antarabangsa) sama ada kini atau masa depan (secara kolektif, "Kumpulan tersebut") atau kepada penasihat professional, juruaudit, akauntan, konsultan, jurubank dan peguam kami dan anda atau pihak berkuasa/perbadanan/agensi perundangan dan/atau statut dan/atau agensi pelaporan kredit supaya kami mematuhi kehendak-kehendak statut dan Kerajaan atau sebarang organisasi atau orang pihak ketiga untuk tujuan memenuhi kewajipan-kewajipan kami kepada anda berkenaan dengan Tujuan-tujuan tersebut dan segala tujuan lain yang berkaitan dengan Tujuan-tujuan tersebut dan juga dalam pembekalan perkhidmatan bersepadau, mengekalkan dan menyimpan rekod.

Hak untuk Menghadkan Pemprosesan Data Peribadi

Tertakluk kepada mana-mana hak dan sekatan yang ditetapkan di bawah Akta tersebut, anda boleh pada bila-bila masa, melalui notis bertulis, mengehadkan pemprosesan Data Peribadi anda, termasuk sejauh mana Data Peribadi yang anda membenarkan kami untuk memproses dan/atau tujuan kami memproses Data Peribadi anda, dengan manghantarserah notis kepada kami secara ke diri atau dengan menghantarkan notis tersebut melalui pos secara surat berdaftar yang ditujukan kepada AJ, di alamat kami yang dinyatakan di atas.

Akibat Jika Gagal Membekalkan Data Peribadi

Segala Data Peribadi yang diberikan oleh anda kepada kami adalah diberikan secara sukarela oleh anda. Akan tetapi, sekiranya anda tidak membekalkan kepada kami atau tidak membenarkan AJ untuk memproseskan Data Peribadi anda, kami mungkin tidak dapat menjalankan yang berikut:-

- (i) melaksanakan atau mencapai tujuan-tujuan seperitmana yang dinyatakan di atas;
- (ii) membekalkan anda perkhidmatan yang diminta;
- (iii) berupaya secara efektif untuk memenuhi, memudahkan, mengakujanji dan/atau melaksanakan peranan dan tanggungjawab kami dalam membekalkan sebarang perkhidmatan kepada anda; dan/atau
- (iv) berkomunikasi dengan anda.

Pemindahan Data Peribadi

Data Peribadi anda mungkin dipindahkan, disimpan, digunakan dan diproseskan di suatu bidang kuasa di luar Malaysia. Anda memahami dan bersetuju kepada pemindahan Data Peribadi anda ke mana-mana tempat di luar Malaysia.

Persetujuan Pihak Ketiga

Kami boleh meminta bantuan anda untuk mendapatkan persetujuan daripada pihak ketiga yang mana data peribadi mereka dibekalkan oleh anda kepada kami dan anda dengan ini bersetuju untuk menggunakan usaha terbaik anda untuk berbuat demikian.

Modifikasi

AJ boleh meminda atau mengubah terma-terma Notis ini dari masa ke semasa tanpa sebarang notis dan akan memaklumkan anda tentang pindaan sedemikian melalui laman web, emel, surat atau cara komunikasi lain yang dianggap sesuai oleh AJ. Interaksi dan komunikasi anda dengan kami yang berterusan atau penggunaan laman web AJ oleh anda selepas modifikasi-modifikasi, kemaskini-kemaskini atau pindaan-pindaan ke atas Notis ini bermakna anda menerima modifikasi-modifikasi, kemaskini-kemaskini atau pindaan-pindaan AJ tersebut.

Penyimpanan

Sebarang data peribadi yang disimpan oleh kami akan dimusnahkan dan/atau dipadamkan daripada rekod dan sistem kami menurut polisi penyimpanan kami sekiranya data sedemikian tidak lagi diperlukan untuk Tujuan-tujuan tersebut.

Bahasa

Notis ini adalah dikeluarkan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunapakai.

Notis ini dikeluarkan pada 15 Februari 2014

Lampiran

Senarai syarikat-syarikat:-

1. Ann Joo Metal Sdn Bhd (260316-P);
2. Anshin Steel Service Centre Sdn Bhd (164093-X);
3. Anshin Steel Processor Sdn Bhd (487678-D);
4. Anshin Steel Industries Sdn Bhd (30543-K);
5. Saga Makmur Industri Sdn Bhd (406319-U); dan
6. Ann Joo Management Services Sdn Bhd (211919-V).